



KENYATAAN MEDIA

YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN

LAPORAN LAKSANA KE-26

PELAKSANAAN
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN)
& PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA)

21 Oktober 2020



PENGENALAN

1. Assalamu'alaikum WBT dan Salam Sejahtera. Saya berharap semua rakyat Malaysia sentiasa sihat dan mematuhi SOP dalam menjalani kehidupan seharian, terutamanya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang diumumkan untuk beberapa negeri/daerah minggu ini.
2. **Laporan LAKSANA Ke-26** ini akan didahului dengan ulasan berhubung status pelaksanaan PENJANA dan seterusnya disusuli dengan ulasan mengenai isu semasa. Manakala status pelaksanaan inisiatif PRIHATIN pula boleh didapati di Lampiran 1.

PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

3. Di bawah PENJANA, inisiatif-inisiatif telah dikategorikan kepada tiga matlamat utama iaitu:
 - a. Memperkasakan Rakyat;
 - b. Melonjakkan Perniagaan; dan
 - c. Merangsang Ekonomi.

PENJANA MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT

4. **Pertama, Kerajaan telah menyediakan Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKA B40)** yang dikawal selia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Melalui skim ini, penekanan diberikan bagi menampung keperluan kesihatan seperti **pengesanan awal untuk penyakit tidak berjangkit khas buat kumpulan B40**. Mereka yang layak adalah terdiri dari penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan pasangan yang berdaftar berumur 40 tahun dan ke atas. Di antara 1 Julai sehingga 9 Oktober 2020, sebanyak **116,647** tuntutan diterima dengan jumlah **RM9.27 juta**. Pendaftaran masih dibuka dan mereka yang layak adalah digalakkan untuk mengambil peluang ini dan mendaftar melalui pautan rasmi KKM iaitu www.pekab40.com.my.

Bagi tempoh 1 Julai 2020 sehingga:	Jumlah Tuntutan*	Nilai Bantuan* (RM juta)
9 Oktober 2020	116,647	9.27
2 Oktober 2020	107,717	8.45
25 September	99,251	6.64
31 Ogos	66,380	3.70

*Jumlah Kumulatif

5. **Kedua, Program Subsidi Upah (PSU)**. Bantuan bagi PSU di bawah PRIHATIN diberikan kepada majikan untuk tempoh 3 bulan bermula April sehingga Jun. Di bawah PENJANA, bantuan ini telah dilanjutkan selama 3 bulan lagi bermula Julai sehingga September 2020. Terkini, PSU telah dilanjutkan sekali lagi di antara 3 hingga 6 bulan di bawah pakej KITA PRIHATIN yang diumumkan pada 23 September 2020. Setakat 9 Oktober 2020, sebanyak **RM11.996 bilion subsidi upah** telah diluluskan untuk memanfaatkan lebih 322,134 majikan serta lebih **2.6 juta pekerja**.

Tarikh Laporan	Jumlah Diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Pekerja* (juta)	Jumlah Majikan*
9 Oktober	11.996	2.638	322,134
2 Oktober	11.967	2.636	322,022
25 September	11.930	2.633	321,633
28 Ogos	10.383	2.620	320,440
31 Julai	8.995	2.582	318,258
26 Jun	7.074	2.455	307,518
29 Mei	4.018	2.197	286,338
24 April	1.606	1.452	207,237

*Jumlah Kumulatif

6. **Ketiga, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan.** Secara keseluruhannya, sehingga 9 Oktober 2020, **seramai 52,851** pekerja (peningkatan daripada **48,617** minggu lalu) telah berjaya mendapat pekerjaan melalui program ini. Jumlah ini merangkumi **41,808 orang di bawah umur 40 tahun, 6,530 orang bagi golongan berusia di antara 40 hingga 60 tahun, serta 309 orang kelainan upaya dan 4,204 perantis.**

Tarikh Setakat	Kategori Rakyat yang Mendapat Perkerjaan				Jumlah*
	< 40 tahun	40 – 60 tahun	OKU	Perantis	
9 Oktober	41,808	6,530	309	4,204	52,851
2 Oktober	38,189	5,966	293	4,169	48,617
25 September	34,476	5,456	284	3,782	43,998
28 Ogos	18,354	3,266	178**	2,818	24,616
21 Ogos	15,113	2,856	220	2,385	20,574

*Jumlah Kumulatif

**Penurunan berbanding minggu sebelumnya adalah kerana selepas penyelarasan dan analisa lanjut, sejumlah pemohon didapati bukan OKU

7. **Keempat, Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran.** Beberapa Kementerian dan agensi telah dipertanggungjawab untuk melaksanakan program “*reskilling & upskilling*” dan menyediakan tenaga kerja yang dapat memenuhi kehendak industri. Setakat 9 Oktober 2020, seramai **94,462 individu telah diluluskan** untuk mengambil bahagian dalam program yang disediakan.
8. Bagi mereka yang masih mencari peluang pekerjaan dan berminat untuk meningkatkan pengetahuan serta kemahiran dalam memenuhi tuntutan terkini industri, sila layari laman web Kementerian dan agensi yang terlibat seperti berikut:

Bil.	Kementerian/Agensi	Pautan
1.	Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	http://ebelia.iyres.gov.my/
2.	Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi (MEDAC)	https://www.insken.gov.my/pendaftaran
3.	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	great.mohe.gov.my
4.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	penjana.mara.gov.my
5.	Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)	https:// www.ecerdc.com.my/penjana/Website/index.html
6.	Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)	penjanahrdf.com.my
7.	Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)	https://www.ncer.com.my/jomkerja_jomniaga/

PENJANA MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN

9. **Pertama, Pembiayaan PKS PENJANA** bagi terus membantu **Perusahaan Kecil Sederhana (PKS)**. Kerajaan telah memperuntukkan dana berjumlah RM2 bilion dan memberi keutamaan kepada PKS dari pelbagai sektor perniagaan yang belum pernah mendapat pinjaman daripada bank sebelum ini. Sehingga 9 Oktober 2020, sebanyak **3,964 permohonan PKS telah diluluskan dengan nilai pinjaman sebanyak RM899.58 juta.**

Tarikh Setakat	Permohonan Diluluskan*	Jumlah Nilai Pinjaman* (RM juta)
9 Oktober	3,964	899.6
2 Oktober	3,617	833.6
25 September	3,351	795.3
28 Ogos	1,615	426.2
21 Ogos	1,172	329.5

*Jumlah Kumulatif

10. **Kedua**, Kerajaan menyediakan bantuan dan menggalakkan PKS serta Syarikat Peringkat Pertengahan (MTC) ke arah pendigitalan operasi dan saluran perdagangan. Ini termasuk peruntukan sebanyak **RM100 juta** bagi **Geran Padanan Pendigitalan PKS** dengan kerjasama syarikat telekomunikasi, **RM500 juta** pembiayaan melalui **SME Technology Transformation Fund** dan **Geran Automasi Pintar** berjumlah **RM100 juta**. Sehingga 9 Oktober 2020, sebanyak **RM26.5 juta telah diluluskan untuk dimanfaatkan oleh 1,701 PKS dan MTC**. Pecahan pemberian geran mengikut jenis adalah seperti berikut:

- Untuk **Geran Padanan Pendigitalan PKS**. Sehingga 9 Oktober 2020, sebanyak **RM5.4 juta telah diluluskan kepada 1,667 PKS;**
- SME Technology Transformation Fund**. Sehingga 9 Oktober 2020, sebanyak 26 PKS telah memohon bantuan ini dan **sejumlah RM18.5 juta telah diluluskan dan akan memanfaatkan 9 PKS;** dan
- Geran Automasi Pintar**. Sehingga 9 Oktober 2020, sebanyak 145 PKS telah memohon bantuan ini dan **sejumlah RM2.6 juta telah diluluskan dan akan dimanfaatkan oleh 25 PKS.**

11. **Ketiga, Skim Pemulihan Perniagaan Tekun atau TEKUN Business Recovery Scheme (TBRS)**. Skim ini adalah salah satu daripada dua bantuan pembiayaan untuk menyokong PKS Mikro. Setakat 9 Oktober 2020, sebanyak **RM76.6 juta** telah disalurkan di bawah TBRS bagi memanfaatkan **11,546 PKS Mikro**. Antara perniagaan yang dibangunkan melalui pembiayaan TBRS ini termasuk bengkel-bengkel kenderaan, kedai-kedai runcit serta pembuatan kraftangan.

Tarikh Setakat	PKS Mikro*	Jumlah Disalurkan* (RM juta)
9 Oktober	11,546	76.6
2 Oktober	11,481	76.1
25 September	11,383	75.5
28 Ogos	6,908	47.7
31 Julai	909	6.8

*Jumlah Kumulatif

12. **Keempat adalah Pembiayaan Mikro Kredit PENJANA di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN).** Setakat 9 Oktober 2020, sebanyak **RM119.4 juta** telah disalurkan bagi memanfaatkan **3,266 PKS Mikro** merangkumi bidang peruncitan dan perkhidmatan

Tarikh Setakat	PKS Mikro*	Jumlah Disalurkan* (RM juta)
9 Oktober	3,266	119.4
2 Oktober	2,692	98.7
25 September	2,007	73.7
28 Ogos	399	15.2

*Jumlah Kumulatif

PENJANA MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI

13. **Pertama**, program pemberian kredit RM50 di dalam e-dompet yang telah tamat pada 30 September 2020. Secara keseluruhannya, **seramai 11.36 juta rakyat telah berjaya menerima RM50 dalam e-Dompet mereka dengan jumlah nilai sebanyak RM567.9 juta.** Penyedia e-Dompet Boost, GrabPay dan Touch n Go eWallet juga telah menyumbang manfaat berbentuk padanan kredit dan pelbagai insentif lain berjumlah RM433.8 juta dalam usaha merancakkan ekonomi Malaysia.
14. **Kedua, Sokongan bagi Sektor Seni, Budaya dan Hiburan.** Antara peruntukan yang disediakan **berjumlah RM100 juta dalam bentuk pinjaman dan RM40 juta dalam bentuk geran untuk industri kreatif, acara dan pameran di bawah MyCreative Ventures; manakala RM10 juta geran lagi disalurkan melalui CENDANA.** Sehingga 9 Oktober 2020, **sebanyak 269 permohonan** telah diterima bagi **MyCreative Ventures bernilai RM46.7 juta** yang sedang dipertimbangkan, dan bagi inisiatif CENDANA pula, sebanyak **193 permohonan** telah diluluskan dengan nilai **RM3.5 juta memanfaatkan beberapa bidang seni, budaya dan hiburan seperti pembangunan kandungan digital, usahawan kreatif serta penulisan dan penerbitan.**

15. **Ketiga, Sokongan bagi Industri Pertanian dan Makanan.** Inisiatif ini diperkenalkan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi di sektor pertanian dan makanan yang bertujuan **menyuntik pembiayaan di samping menyediakan modal pusingan untuk petani, peladang dan nelayan memulakan semula aktiviti** pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Daripada jumlah peruntukan sebanyak RM400 juta, RM350 juta merupakan peruntukan di bawah Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank. Setakat 9 Oktober 2020, sebanyak **RM18.8 juta** telah disalurkan di bawah skim ini bagi memanfaatkan **2,335 PKS Mikro pertanian**. Selain skim pembiayaan mikrokredit, inisiatif ini juga merangkumi insentif memudahkan mobiliti kerja pertanian kepada syarikat perintis dan sumbangan *in-kind* bagi menyokong pertanian bandar.

ULASAN ISU SEMASA

16. Beberapa hari lalu, Kementerian Kewangan telah berkongsi bahawa **Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1.7 bilion bagi memerangi penularan COVID-19** yang disalurkan melalui 14 kementerian dan kerajaan negeri. Kerajaan, melalui KKM, juga telah menyalurkan **peruntukan tambahan sebanyak RM44 juta untuk mengukuhkan barisan hadapan kesihatan negeri Sabah**. Selain itu, Kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) baru-baru ini juga telah meluluskan **peruntukan tambahan sebanyak RM50 juta kepada NADMA**. Kedua-dua **peruntukan tambahan ini selaras dengan komitmen bagi memastikan kesiapsiagaan dalam menghadapi peningkatan jangkitan COVID-19 di seluruh negara**. Kerajaan sentiasa memantau perkembangan semasa dan bersedia untuk menambah peruntukan sekiranya diperlukan.
17. Kementerian Kewangan sedang giat dalam proses merangka Belanjawan 2021. Sesi bersama Kementerian-Kementerian sedang diadakan untuk mempertimbangkan cadangan dan keperluan pengeoperasian dan pembangunan. Seperti yang dikongsi sebelum ini, Belanjawan 2021 mempunyai tiga matlamat utama yang bertujuan untuk melindungi, memulih dan menjamin (i) Kesejahteraan Rakyat, (ii) Kelangsungan Perniagaan, dan (iii) Ketahanan Ekonomi, dan bakal dibentangkan pada 6 November 2020. Kelangsungan ekonomi akan tetap diberikan perhatian dalam memastikan momentum pemulihan ekonomi dapat dikekalkan. Oleh itu, Kerajaan menyeru agar rakyat bersama-sama dalam memerangi wabak COVID-19 ini dengan sentiasa patuh kepada amalan norma baharu dengan mempraktikkan amalan penjarakan fizikal, menjaga kebersihan dan kesihatan serta kawalan sendiri dalam mematuhi SOP yang dikeluarkan Kerajaan.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Aziz
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
21 Oktober 2020

LAMPIRAN 1 - PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT		
1.	Skim pengeluaran i-Lestari di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Setakat 9 Oktober 2020, jumlah pengeluaran kumulatif adalah sebanyak RM10.47 bilion (peningkatan daripada RM9.55 bilion minggu lalu) dan melibatkan 4.66 juta penerima. Perancangan persaraan adalah penting dan orang ramai disyorkan untuk menggunakan Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS) yang disediakan oleh pihak KWSP secara percuma untuk tujuan ini. Maklumat mengenai perkhidmatan percuma ini boleh didapati di pautan berikut: https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service
2.	Elaun Khas Barisan Hadapan (Frontliners Allowance)	a. Sehingga 9 Oktober 2020, sebanyak RM313.74 juta telah disalurkan berdasarkan 957,996 tuntutan yang terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19. b. Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
3.	Pemandu Teksi	Setakat 9 Oktober 2020, Kerajaan telah menyalurkan bantuan tunai <i>one-off</i> kepada 33,851 pemandu teksi (peningkatan daripada 33,839 pemandu minggu lalu) yang berjumlah lebih RM20.31 juta .
4.	Pemandu Pelancong	Setakat 9 Oktober 2020, seramai 7,642 pemandu pelancong (peningkatan daripada 7,638 pemandu) telah menerima bantuan tunai <i>one-off</i> berjumlah lebih RM4.6 juta .
5.	Pemandu bas pelancongan	Pembayaran tunai <i>one-off</i> kepada pemandu bas pelancongan telah mula dibuat pada 22 Julai 2020. Setakat 9 Oktober 2020, sejumlah RM1.8 juta telah Berjaya disalurkan kepada 2,998 pemandu bas pelancong . Perbezaan antara jumlah penerima pada minggu ini berbanding yang lepas disebabkan kes gagal kredit. Pemohon yang berstatus gagal kredit akan melakukan proses mengemaskini nombor akaun untuk tujuan pembayaran.

MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN

6.	Program Bantuan Majikan COVID-19 (e-CAP) KWSP	Setakat 9 Oktober 2020, sebanyak 69,864 permohonan telah diterima dan daripada jumlah tersebut, 13,090 permohonan telah diluluskan bernilai RM85 juta (tiada peningkatan). <table><tr><th>Bantuan majikan COVID-19 (e-CAP) KSWP</th><th>Jumlah permohonan diterima*</th><th>Jumlah permohonan diluluskan*</th><th>Jumlah diluluskan* (RM juta)</th></tr><tr><td>9 Oktober</td><td>69,864</td><td>13,090</td><td>85.0</td></tr><tr><td>2 Oktober</td><td>69,864</td><td>13,090</td><td>85.0</td></tr><tr><td>25 September</td><td>69,864</td><td>13,090</td><td>84.9</td></tr><tr><td>28 Ogos</td><td>68,532</td><td>12,904</td><td>84.2</td></tr><tr><td>31 Julai</td><td>65,986</td><td>12,425</td><td>82.1</td></tr><tr><td>26 Jun</td><td>36,107</td><td>9,542</td><td>63.9</td></tr><tr><td>31 Mei</td><td>26,509</td><td>5,245</td><td>34.8</td></tr></table> <i>*Jumlah kumulatif</i>	Bantuan majikan COVID-19 (e-CAP) KSWP	Jumlah permohonan diterima*	Jumlah permohonan diluluskan*	Jumlah diluluskan* (RM juta)	9 Oktober	69,864	13,090	85.0	2 Oktober	69,864	13,090	85.0	25 September	69,864	13,090	84.9	28 Ogos	68,532	12,904	84.2	31 Julai	65,986	12,425	82.1	26 Jun	36,107	9,542	63.9	31 Mei	26,509	5,245	34.8
Bantuan majikan COVID-19 (e-CAP) KSWP	Jumlah permohonan diterima*	Jumlah permohonan diluluskan*	Jumlah diluluskan* (RM juta)																															
9 Oktober	69,864	13,090	85.0																															
2 Oktober	69,864	13,090	85.0																															
25 September	69,864	13,090	84.9																															
28 Ogos	68,532	12,904	84.2																															
31 Julai	65,986	12,425	82.1																															
26 Jun	36,107	9,542	63.9																															
31 Mei	26,509	5,245	34.8																															
7.	Skim Kredit Mikro BSN	Setakat 9 Oktober 2020, pembayaran telah dibuat kepada 11,367 PKS (peningkatan daripada 11,352 penerima minggu lalu) melibatkan jumlah sebanyak RM378.26 juta (peningkatan daripada RM378.0 juta minggu lalu).																																
8.	Program TEKUN	Setakat 9 Oktober 2020, pembayaran telah dibuat kepada 26,222 PKS (peningkatan daripada 26,205 penerima minggu lalu) melibatkan jumlah sebanyak RM199.31 juta (peningkatan daripada RM199.15 juta minggu lalu).																																

9.	Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) (SME Soft Loans Funds) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)	Setakat 9 Oktober 2020, jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh PKS adalah RM10.77 bilion (peningkatan daripada RM10.73 bilion minggu lalu) yang akan memberi manfaat kepada 23,196 PKS (peningkatan daripada 23,078 PKS minggu lalu). Jumlah ini termasuk dana Special Relief Facility (SRF), Automation & Digitalisation Facility (ADF), All-Economic Sector Facility (AES) dan Agrofood Facility (AF). <table border="1"> <thead> <tr> <th>Dana Pinjaman Mudah PKS</th><th>Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)</th><th>Jumlah PKS*</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>9 Oktober</td><td>10.77</td><td>23,196</td></tr> <tr> <td>2 Oktober</td><td>10.73</td><td>23,078</td></tr> <tr> <td>25 September</td><td>10.67</td><td>22,984</td></tr> <tr> <td>28 Ogos</td><td>10.3</td><td>22,440</td></tr> <tr> <td>Julai</td><td>9.6</td><td>21,410</td></tr> <tr> <td>Jun</td><td>8.4</td><td>19,539</td></tr> <tr> <td>Mei</td><td>6.9</td><td>16,833</td></tr> <tr> <td>April</td><td>1.5</td><td>3,636</td></tr> </tbody> </table> <i>*Jumlah Kumulatif</i> Walaupun dana SRF telah dimanfaatkan sepenuhnya, PKS masih boleh memohon skim pembiayaan yang masih tersedia melalui Tabung BNM seperti ADF, AES dan AF. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui platform imsME di pautan https://imsme.com.my/portal/bm/ yang boleh membantu dalam membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai penyedia dana untuk PKS.	Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*	9 Oktober	10.77	23,196	2 Oktober	10.73	23,078	25 September	10.67	22,984	28 Ogos	10.3	22,440	Julai	9.6	21,410	Jun	8.4	19,539	Mei	6.9	16,833	April	1.5	3,636
Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*																											
9 Oktober	10.77	23,196																											
2 Oktober	10.73	23,078																											
25 September	10.67	22,984																											
28 Ogos	10.3	22,440																											
Julai	9.6	21,410																											
Jun	8.4	19,539																											
Mei	6.9	16,833																											
April	1.5	3,636																											